**HMT315/4: SOSIOLINGUISTIK**
**PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN**
**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**
**SEMESTER 1**

**TUGASAN: PROPOSAL PROJEK 3**

DISEDIAKAN OLEH:

| GAMBAR AHLI | NAMA | NO. MATRIK |
|---|---|---|
|  | AHMAD FITRI AMRI BIN MOHD ZAMRI | 140979 |
|  | MOHAMAD HAFIZULDIN BIN MOHAMAD SHUKRI | 141322 |
|  | MUIZAH BINTI ABDUL MALEK | 142756 |
|  | NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID | 141084 |
|  | NURMELISSA SHAHIRA BINTI MOHAMMAD ZAILANI | 143263 |
|  | SITI NAJATUL HAYAH BINTI MOHD NOR | 142001 |

**KUMPULAN:** 2

**DISEDIAKAN UNTUK:** DR RADIAH YUSOFF

FENOMENA LAKUAN EKSPRESIF DALAM LAMAN YOUTUBE BERBAHASA MELAYU

**TAJUK**

KAJIAN SOSIO-SINTAKSIS FENOMENA BAHASA EKSPRESIF DALAM VIDEO YOUTUBE PILIHAN

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji lakuan ekspresif yang terdapat dalam interaksi sosial di laman sosial Youtube. Kajian ini juga mengenalpasti serta menganalisis lakuan ekspresif ini mengikut teori Cannon Bard (1927) dan James Lange (1800). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui catatan pemerhatian pengkaji terhadap video Youtube berbahasa Melayu yang telah dipilih. Enam buah video yang berkaitan telah dipilih untuk dianalisis bagi kajian ini. Menurut Janet Holmes (2013) terdapat enam fungsi pertuturan dan salah satunya ialah lakuan ekspresif. Video yang dipilih oleh pengkaji terdiri daripada bentuk ekspresif iaitu melibatkan perasaan penutur. Pengkaji menfokuskan tiga perasaan dalam lakuan ekspresif iaitu perasaan sedih, gembira dan menakutkan. Bagi mendapatkan data, kaedah mentranskripsi telah dilakukan berdasarkan video yang dipilih dan transkripsi dilakukan secara grafemik. Analisis data dilakukan bagi mengetahui lakuan ekspresif yang hadir dalam video youtube pilihan tersebut. Selain itu, analisis ini juga untuk mengetahui perbezaan lakuan ekpresif yang terdapat dalam video youtube yang dipilih. (FITRI)

Kata kekunci: ekspresif, interaksi sosial, kuantitatif, perasaan sedih, perasaan gembira,

perasaan takut. (FITRI, ANIS)

ISI KANDUNGAN


| BIL | KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1. | ABSTRAK | i |
| 2. | ISI KANDUNGAN | ii |
| 3. | PENGENALAN | 1 |
| 4. | ANALISIS KRITIS | 2 - 3 |
| 5. | TUJUAN KAJIAN | 4 |
| 6. | KAEDAH KAJIAN | 5 |
| 7. | SKOP KAJIAN | 6 |
| 8. | KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA UNIVERSITI DAN NEGARA | 7 |
| 9. | DAPATAN KAJIAN | 8-17 |
| 10. | CADANGAN KAJIAN | 18 |
| 11. | PENUTUP | 19 |
| 12. | RUJUKAN | 20 -21 |
| 13. | SENARAI VIDEO | 21 |
| 14. | LAMPIRAN | 22 -82 |

**1.0 PENGENALAN**

Setiap manusia mengungkapkan perasaan dan fikirannya kepada orang lain melalui bahasa. Proses pemikiran sangat ditentukan oleh kemampuan berbahasa seseorang. Manusia tidak lepas dari bahasa kerana bahasa mempunyai fungsi yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Hal ini juga kerana manusia menggunakan bahasa dalam berkomunikasi sebagai sarana untuk bertukar fikiran, meluahkan emosi, dan mengungkapkan sesuatu. Emosi timbul dari perasaan, emosi dapat berupa perwujudan rasa sayang, marah, benci, dan sebagainya. Menurut Tomksin dalam (Brewer, Marilynn B; Hewston, Miles, 2004, p. 4) berpendapat bahawa emosi adalah sesuatu yang memotivasi kehidupan kita. Kita mengatur kehidupan untuk memaksimalkan bahasa emosi positif dan meminimalisasi bahasa emosi negatif. (MELISSA)

Menurut Darwin dalam Matsumoto & Ekman, (2007) menyatakan bahawa pada prinsipnya, ekspresi emosi adalah tindakan yang bersifat tingkah laku lengkap, dan kombinasi dengan tanggapan jasmani lain iaitu suara, postur, pergerakan otot, dan tanggapan fisiologi lainnya. Misalnya ekspresi emosi yang ditunjukkan oleh raut wajah seseorang adalah sebahagian dari emosi. (FITRI) Ketika berkomunikasi manusia menunjukkan ujaran lisan atau tulisan. Orang yang diajak berkomunikasi akan mendengar atau melihat apa yang hendak dikomunikasikan dan berusaha memahami apa yang diujarkan atau dituliskan. Dalam proses tersebut berbagai perasaan senang atau sedih dapat diekspresikan dengan kata-kata atau ekspresif muka. Hal-hal yang biasa terjadi di sekitar kita pun dapat dilihat dengan jelas secara mata kasar. Bagaimana kita menyebutnya, seberapa penting emosi tersebut, bagaimana kita mengekspresikan dan mengartikannya, semua ini merupakan pertanyaan yang dijawab secara berbeza oleh semua orang budaya-budaya yang ada. (MELISSA)

Secara umumnya, lakuan ekspresi bermaksud ujaran-ujaran yang mengandungi pernyataan psikologi atau emosi-emosi tertentu. Ia juga merupakan satu bentuk reaksi atau respons psikologi terhadap sesuatu keadaan atau tindakan orang lain. Selain itu, ia juga menggambarkan sikap dan perasaan penutur kepada pendengar. Kajian ini menyenaraikan 3 jenis bentuk ekspresi, iaitu ekspresif sedih, ekspresif gembira dan ekspresif takut. Huraian berikut berkaitan dengan subkategori lakuan ekspresi berserta dengan contoh-contohnya. (FITRI, MELISSA)

## 2.0 ANALISIS KAJIAN LEPAS

Pada asasnya, terdapat beberapa penyelidikan lepas yang mengkaji tentang fenomena bahasa ekspresif dalam Malaysia dan luar Malaysia. Maslida Yusof & Karim harun (2017), kajian ini telah membincangkan lakuan bahasa yang dituturkan oleh seseorang individu di media sosial. Kebanyakan lakuan bahasa dikaji berdasarkan media sosial kerana medium ini amat popular di kalangan masyarakat Malaysia bagi menyatakan suatu tujuan, maklumat, idea dan lain-lain. Pengguna media sosial boleh menikmati manfaat daripada aplikasi media sosial misalnya Facebook untuk merakam video, memuat naik gambar, memuat naik peristiwa dan pengalaman yang terjadi di persekitaran mereka dan sebagainya. Pengguna media sosial mengambil manfaat daripada kelebihan aplikasi media sosial ini dengan menggunakan pelbagai jenis lakuan bahasa. Maslida Yusof & Karim Harun (2017), antara bahasa yang digunakan ketika melayari media sosial ialah menyatakan perasaan dan emosi, menyindir, mengejek, menghina seseorang dan sebagainya. Kajian itu menyatakan antara bentuk bahasa yang sering ditemui oleh pengkaji ialah ekpresif, direktif, dan representatif. Bentuk- bentuk bahasa ini juga mempunyai cabang-cabang tersendiri yang membolehkan manusia menggunakannya dengan jelas untuk menyatakan sesuatu. (NAJAH)

Selain itu juga, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Amir Juhari dan Zaitul Azma (2015), komunikasi merupakan aspek paling penting dalam pengkaji meneliti dan mengenal pasti lakuan bahasa yang diujarkan oleh seseorang individu. Oleh itu, pengkaji menggunakan mesyuarat sebagai medium untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas dan menimbulkan tindak balas pendengar. Terdapat beberapa bentuk lakuan bahasa yang dapat dikenal pasti ketika berkomunikasi seperti direktif, ekpresif, representatif dan banyak lagi. Dalam kajian tersebut juga, pengkaji menjelaskan penggunaan lakuan pertuturan lebih meneliti lakuan bahasa berbentuk direktif ketika menjalankan mesyuarat kerana terdapat unsur yang melibatkan penggunaan bentuk tersebut misalnya pengumuman, arahan, perjanjian dan pengakuan. (NAJAH, ANIS)

Berbeza pula dengan kajian yang telah dijalankan oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun (2017), juga mengkaji mengenai lakuan bahasa yang tetapi ia digunakan oleh guru ketika proses pengajaran & pembelajaran. Banyak bentuk bahasa yang dikaji oleh tokoh-tokoh lain seperti ekpresif, direktif, representatif, dan lain-lain tetapi kajian yang dijalankan ini lebih meneliti bentuk bahasa direktif ketika berkomunikasi dalam sesuatu keadaan yang melibatkan penutur dengan pendengar. Setiap bentuk bahasa yang digunakan oleh penutur mempunyai subkategori bahasa tersendiri seperti permintaan, pertanyaan, nasihat, dan larangan. Begitu juga dengan bentuk-bentuk bahasa lain seperti ekpresif, ia juga mempunyai subkategori seperti menyatakan kesedihan, kemarahan, kegembiraan, keterujaan, dan banyak lagi. (MUIZAH)

Berdasarkan kajian di luar Malaysia pula, Naomi Ayuna (2019) menyifatkan manusia sebagai makhluk sosial yang tidak boleh lari daripada berkomunikasi dan berinteraksi sesama manusia. Hal ini demikian kerana, kaedah berkomunikasi merupakan satu medium perantaraan bagi manusia menyampaikan maklumat, maksud atau tujuan dengan baik dan jelas. Oleh itu setiap bahasa yang diujarkan dan dituturkan oleh setiap manusia jugak membawa bentuk dan fungsi ekpresif yang berbeza. Melalui kajian tersebut juga, Naomi Ayuna (2019), aplikasi media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Youtube* dan sebagainya merupakan aplikasi yang sering digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi.

Aplikasi tersebut dapat membolehkan manusia menyampaikan maklumat, tujuan atau maksud dengan memuat naik video, kata-kata, gambar dan lain-lain. Berdasarkan kajian tersebut juga, aplikasi media sosial seperti Twitter yang membolehkan pengguna memuat naik video, gambar dan kata-kata mengandungi bentuk dan fungsi ekspresif seperti unsur yang membawa kepada kemarahan, kesedihan, kegembiraan dan sebagainya. (NAJAH)

Mila Fitria (2018), manusia berkomunikasi dengan bertutur atau bercakap untuk menyampaikan maksud, maklumat dan tujuan dengan jelas. Setiap pertuturan, percakapan, ujaran yang dikeluarkan oleh mulut mereka tidak hanya bergantung kepada maklumat yang disampaikan. Namun, melalui percakapan dan pertuturan manusia juga, seseorang itu boleh memahami perasaan atau emosi yang cuba dibawa oleh penutur. Pertuturan yang melibatkan perasaan atau emosi ini sering mempengaruhi perspektif antara penutur dan pendengar. Menurut Searle ucapan ekpresif yang dibawa oleh penutur itu dipengaruhi oleh keadaan psikologi yang dinyatakan dalam sesuatu keadaan. Contohnya berdasarkan kajian yang dikaji oleh Mila Fitria (2018), aplikasi media sosial seperti Youtube juga merupakan medium untuk menyampaikan perasaan dan emosi yang dialami oleh penutur itu. Tambahan pula, setiap ujaran yang dikeluarkan penutur mempunyai mempunyai bentuk-bentuk ekpresif seperti marah, gembira, menangis, seram dan lain-lain. Oleh itu, penutur mempunyai cara yang tersendiri dalam menyampaikan emosi dan perasaan kepada pendengar. (ANIS, MUIZAH)

Evi Chamalah (2016), menyatakan media massa merupakan medium terbaik untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang digunakan oleh seseorang penutur. Kelebihan media massa seperti boleh mendengar video atau percakapan dan yang menyatakan pengalaman dan peristiwa ini telah digunakan dengan baiknya oleh pengguna sehingga pengkaji dapat meneliti bahasa ekpresif yang digunakan. Mengikut takrifan Evi Chamalah (2016), media massa merujuk kepada media lisan iaitu penggunaan elektronik seperti radio dan televisyen manakala media tulis pula merujuk kepada media bercetak seperti majalah, surat khabar, novel, cerpen, majalah dan lain-lain. Kesan penggunaan bahasa lebih bergantung kepada pemahaman terhadap makna-makna, tujuan, idea, maklumat tersirat yang disampaikan dan keadaanatau situasi ketika pertuturan tersebut dilakukan. Keadaan atau situasi ketika menggunakan bentuk bahasa ini juga mempengaruhi seseorang itu mengenali bentuk bahasa yang digunakan itu seperti merasa sedih, gembira, teruja, marah dan sebagainya. Lakuan bahasa ekpresif adalah lakuan bahasa yang dijelaskan oleh pengkaji mengikut urutan ujaran yang ditafsirkan sebagai penilaian terhadap perkara yang dituturkan. (NAJAH, ANIS, MUIZAH)

## 3.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk:

i. Mengenalpasti dam menganalisis bentuk bahasa ekspresif mengikut landasan teori Cannon Bard (1927) dan James Lange (1800) yang berlaku dalam komunikasi sosial dalam video youtube pilihan jenis wawancara. (FITRI, MELISSA)

ii. Mengkaji dan menghuraikan perbezaan lakuan ekspresif berdasarkan analisis data video wawacara mengikut teori Cannon Bard (1927) dan James Lange (1800). (FITRI, MELISSA, ANIS)

## 4.0 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ialah pengumpulan maklumat serta data terbaru berkaitan dengan tinjauan yang dilakukan (Ahmad Mazhab Ayob, 1985). Oleh itu, kaedah kajian ialah kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Kaedah kajian adalah amat penting bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Oleh itu, ia dapat menjadikan kajian yang dijalankan lebih tersusun bagi mencapai objektif kajian. (HAFIZ)

Pengkaji telah menggunakan kaedah primer iaitu data yang diperoleh ialah melalui Youtube. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan enam video yang daripada youtube yang berunsurkan kajian Bahasa ekspresif. Para pengkaji akan mengulang-ulang video yang ditonton bagi mengumpulkan data dan seterusnya menganalisisnya bagi membuat perbandingan ekspresif yang ditonjolkan oleh penutur. (HAFIZ)

Pengkaji juga menggunakan kaedah sekunder. Melalui kaedah ini pengkaji telah menggunakan kaedah internet bagi mendapatkan data dan maklumat tambahan yang boleh digunakan untuk membantu menyiapkan kajian yang dibuat. Melalui kaedah ini juga para pengkaji mencari enam artikel dan maklumat tambahan yang berkaitan mengenai bahasa ekspresif dan menjadikannya sebagai rujukan dalam menyiapkan kajian ini. Maklumat yang diperoleh melalui kaedah internet ini amat membantu para pengkaji dalam mengukuhkan dan menyokong data serta analisis kajian yang dibuat oleh para pengkaji. Tambahan pula data kajian telah tersedia menyebabkan para pengkaji hanya perlu menganalisis kajian dengan menggunakan kaedah 'open book'. (HAFIZ, NAJAH)

Akhir sekali, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian antaranya ialah kaedah perbincangan dalam talian. Melalui kaedah ini para pengkaji telah menggunakan aplikasi dalam talian seperti whatsaap, telegram, webex dan google meet untuk mencari bahan-bahan sokongan serta maklumat untuk membuat kajian. Melalui aplikasi atas talian ini juga para pengkaji telah membuat perbincangan bersama ahli kumpulan secara atas talian sama ada secara panggilan video atau teks iaitu sekurang-kurangnya sekali sehari. Perbincangan ini merangkumi pembahagian tugasan, gerak kerja tugasan dan menyampaikan maklumat mengenai kajian yang dibuat. (HAFIZ, NAJAH)

**5.0 SKOP KAJIAN**

Skop kajian yang pengkaji lakukan ialah menfokuskan kepada video-video wawancara yang terdapat dalam laman youtube berbahasa Melayu dan dianggotai oleh rakyat Malaysia yang berbahasa Melayu. Skop kajian yang tertumpu kepada masyarakat Melayu hari ini kerana kebanyakan masyarakat Malaysia mempunyai perbezaan dalam berkomunikasi antara mereka. Sebagaimana yang kita tahu, pelbagai fenomena liunguistik yang terdapat dalam pertuturan masyarakat kita pada harini ini Kumpulan kami telah memilih fenomena ekspresif. Ekspresi ialah mengungkapkan perasaan penutur. Berdasarkan video di youtube orang yang ditemubual perlu mengungkap perasaan mereka terhadap orang yang terdekat dengan mereka. (MUIZAH, MELISSA)

## 6.0 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA UNIVERSITI DAN NEGARA

Fenomena linguistik ini terdapat pelbagai bentuk dan juga jenis fenomena yang terdapat dalam linguistik bahasa Melayu ini. Jadi salah satu fenomena linguistik yang dikaji dalam kajian ialah fenomena bahasa ekspresif yang membawa maksud kepada ungkapan perasaan seorang penutur. (MUIZAH)

Kepentingan kajian kepada universiti memainkan peranan yang penting terutamanya dalam pemupukan nilai-nilai murni dalam masyarat seperti kesopanan dalam bertutur, kejujuran , keikhlasan dan pelbagai lagi boleh dipupuk melalui fenomena ini kerana ia mengambarkan keperibadian diri dalam menutur.Begitu juga dalam pendidikan yang mengajar bahasa bukan sekadar membolehkan cekap dalam berkomunikasi. Kecekapan berkomunikasi tidak sepatutnya dinilai semata-mata dari sudut kepetahan bertutur malah aspek nilai , budaya dan juga agama mesti ditekankan ketika berkomunikasi dengan orang sekeliling. (MUIZAH)

Seterusnya, ia penting juga kepada pembentukan insan dalam kalangan pelajar di universiti di mana ia dapat menzahirkan segala idea dan perasaan dalam akal hingga terbit dalam bentuk lisan mahupun tulisan serta dengan demikian idea dan perasaan yang dapat difahami, ditanggap dan juga memberi reaksi oleh khalayak. Ilmu ini menterjemah, mentafsir dan menaakul idea atau perasaan yang diterima oleh seseorang daripada lisan atau tulisan pihak lain ke dalam akal hingga dapat pula akal merumuskannya dan mungkin pula menzahirkan reaksi. Hal ini merupakan proses yang penting yang memungkinkan manusia saling berkongsi ilmu, maklumat, idea dan juga perasaan yang terzahir. (NAJAH)

Selain itu, kepentingan kepada negara tentang fenomena ini boleh membentuk jati diri terhadap kelakuan terhadap bahasa ekspresif dalam komunikasi, meluahkan idea, perasaan dan juga pemikiran serta pendapat kepada orang lain. Fenomena bahasa ini kepada negara amat penting kerana ia boleh meningkatkan kemartabatan dalam variasi bahasa terutamanya dalam Bahasa Melayu. Bahasa merupakan aspek penting dalam menyemai perpaduan, melahirkan semangat cintakan negara dan mewujudkan jati diri yang tinggi dalam kalangan masyarakat di negara ini. (HAFIZ)

## 7.0 DAPATAN KAJIAN

1.1 Mengenalpasti dam menganalisis bentuk bahasa ekspresif mengikut landasan teori Cannon Bard (1927) dan James Lange (1800) yang berlaku dalam komunikasi sosial dalam video youtube pilihan jenis wawancara. (FITRI, MELISSA)

Menurut Janet Holmes (2013), terdapat enam fungsi pertuturan yang dijelaskan dalam bukunya yang berjudul *an Introduction to Sociolinguistics*, iaitu ucapan ekspresif meluahkan perasaan, ucapan memberikan arahan, metalinguistik, puitis, phatic, dan ucapan rujukan yang memberi maklumat. Apabila seseorang individu itu ingin berkomunikasi, bahasa yang sering digunakan ialah ucapan ekspresif yang menggunakan perasaan dan digelar sebagai bahasa ekpresif. (FITRI)

Bahasa ekspresif merupakan bahasa yang digunakan untuk melahirkan perasaan dan emosi. Bahasa ekspresif juga membawa maksud bahasa yang menampilkan maklumat melalui penyampaian perasaan, idea fikiran dan emosi yang tertentu seperti merasa gembira takut, sedih, dan lain-lain. Fungsi Bahasa ekspresif ini digunakan untuk meluapkan atau menyampaikan ekspresi penutur kepada khalayak ramai dengan tujuan tertentu. Selain itu, fungsi bahasa ini juga digunakan untuk mengespresikan perasaan seseorang seperti perasaaan sedih, teruja dan seram. (FITRI) Menurut kajian yang dijalankan oleh Puteri Roslina Abdul Wahib, 2008, bahasa ekspresif merujuk kepada kemahiran seseorang apabila melahirkan fikiran dan perasaan melalui perlakuan yang terhasil seperti berbual-bual, bercakap, berbincang, menjawab soalan dan lain-lain. Kemahiran yang digunakan ini menggunakan pelbagai kebolehan seperti menggunakan kebolehan memilih kata dan membina ayat dengan baik dan gramatis (morfologi dan sintaksis), kebolehan memilih pelbagai fungsi bahasa (pragmatik) dan kebolehan dalam menggunakan sistem bunyi (fonologi). (ANIS)

Bruno (1984) mendefinisikan emosi sebagai satu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar homeostasis. Beliau melihat emosi dari perspektif ini kerana apabila seseorang mengalami emosi, hampir keseluruhan keadaan homeostasisnya terganggu dengan pelbagai perubahan fisiologi yang berlaku dalam tubuhnya. Dengan yang demikian, emosi kanak-kanak dapat dikesan melalui beberapa penanda emosi. Antaranya melalui wajah atau air muka, mata, bahasa atau kata-kata dan juga tingkah laku. Emosi juga memainkan peranan yang penting dalam melahirkan perasaan seseorang. (ANIS, MELISSA)

Sebagai contoh dapat dilihat apabila seseorang mendapat berita daripada seseorang yang lain, perubahan emosi akan berlaku jika berita yang diterima positif dan ia akan berasa gembira, tetapi jika negatif ia akan berasa sedih. Justeru, sesiapa yang menghadapinya akan menginterpretasi pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Oleh yang demikian bahagian talamus akan menerima rangsangan dari luaran dan terus dihantar ke bahagian korteks untuk dianalisis dan diinterpretasikan (Mahmood Nazar Mohamed: 2001) (FITRI, ANIS, MELISSA)

Lakuan Ekspresif yang pengkaji kaji ialah lakuan perasaan sedih, gembira dan takut:

**i) Perasaan Sedih**

Fungsi ekspresif yang utama kami kaji ialah ekpresif perasaan sedih. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perasaan membawa maksud merasai sesuatu rasa, manakala sedih pula bermaksud menimbulkan rasa pilu. Jadi, secara keseluruhannya perasaan sedih membawa makna merasai rasa pilu sayu, hiba atau berdukacita atas sesuatu yang berlaku. Perasaan sedih ini boleh mempengaruhi dan dapat dirasai oleh orang lain. Sebagai contohnya, ketika seseorang bersedih atau kecewa, kita dapat mengetahuinya dengan melihat riak wajah atau cara pertuturan yang diungkapkan. Antara penyebab seseorang itu mengalami kesedihan ialah dikecewakan seseorang, kehilangan benda yang kita sayang dan berlaku perkara yang buruk. Ketika sedih, seseorang cenderung menjadi murung bahkan menangis. (NAJAH, FITRI)

Mengikut kajian Ronan (2015), terdapat lapan jenis ujaran ekspresif yang dicadangkan oleh beliau seperti perselisihan, persetujuan, kemahuan, keluhan, meminta maaf, menyatakan kesedihan dan sebagainya. Dalam kajian ini, bahasa ekspresif lebih tertumpu kepada emosi atau perasaan yang menyatakan kesedihan. Ronan (2015) dalam kajiannya mengatakan emosi atau perasaan yang menyatakan kesedihan ini berkaitan dengan perasaan individu apabila mempunyai perasaan sedih, memalukan, bersimpati dan meratap sesuatu. Lahirnya perasaan yang menyatakan kesedihan ini berlaku akibat perbuatan sendiri atau perbuatan orang lain. (NAJAH, FITRI)

Menurut Eisenberg (2001), apabila perasaan yang dialami oleh seseorang itu melibatkan perasaan yang menyatakan kesedihan, seseorang itu mungkin dilanda masalah dari sedi luar atau dalam. Ekpresif perasaan yang ditonjolkan oleh seseorang individu itu terutama menyatakan perasaan sedih menjadi sangat penting untuk mengetahui sesuatu yang dialami dalam kehidupannya. (NAJAH)

**ii) Perasaan Gembira**

Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua, gembira bermaksud perasaan yang sangat suka. Ketika berada dalam keadaan gembira biasanya orang akan cenderung untuk tertawa dan tersenyum kerana merasa bahagia. Perasaan gembira ini disebabkan kerana banyak perkara seperti berjaya mencapai matlamat diri, membuat jenaka bersama rakan-rakan dan sebagainya. Dalam kehidupan seharian kita, perasaan gembira ini akan sentiasa berlaku jika kita berada dalam keadaan yang menggembirakan kecuali seseorang itu menghadapi masalah kemurungan. ()(

Emosi Positif Boleh diklasifikasikan sebagai perasaan yang positif. Menurut Fredrickson (2009) terdapat 10 emosi positif yang seringkali dirasai oleh manusia iaitu joy (gembira), gratitude (syukur), serenity (tenang), interest (minat), hope (harapan), pride (bangga), amusement (keseronokan), inspiration (inspirasi), awe (teruja) and love (cinta).

**iii) Perasaan Takut**

Menurut kamus pelajar edisi kedua (1987), tidak berani menghadapi sesuatu yang pada perasaannya akan membahayakan diri. Menurut Jadunath (1986), perasaan takut ialah kegelisahan yang berlebihan berlaku di dalam pemikiran manusia. emosi takut ini juga didefinisikan sebagai kekacauan yang berlaku di dalam minda manusia yang dirangsang oleh objek yang dahsyat. Oleh itu, Perasaan takut juga membawa maksud perasaan yang tidak rasional, berlebihan dan ketakutan yang berulang-ulang dalam satu-satu situasi.

Menurut Adi W. Gunawan (2006), perasaan takut terbahagi kepada kepada emosi takut kepada penerbangan, ketinggian, kehilangan, kesakitan, penolakan, kematian dan takut kepada kegelapan. Namun, emosi takut sememangnya harus ada dalam diri supaya kita sentiasa ingat kematian dan bahaya manakala perasaan takut seperti takut kepada anjing dan keadaan gelap adalah akibat daripada pengalaman yang traumatik.

### 1.1.1 Teori Cannon-Bard (1927) dan James Langes (2019)

Landasan teoretis utama kajian ini ialah Walter Cannon-Bard (1927) dan James Langes (2019). Bahasa ekspresif merupakan bahasa yang digunakan untuk melahirkan perasaan dan emosi. Bahasa ekspresif juga membawa maksud bahasa yang menampilkan maklumat melalui penyampaian perasaan, idea fikiran dan emosi yang tertentu seperti merasa gembira takut, sedih, dan lain-lain. Menurut Cannon-Bard (1927), peristiwa memainkan peranan yang cukup penting untuk menghasilkan perasaan dan emosi dan reaksi fizikal. Misalnya, apabila seseorang itu kehilangan seseorang yang paling penting dalam hidupnya, pasti akan menimbulkan perasaan sedih dan menangis meratap sesuatu yang sudah pergi. Begitu juga dengan perasaan sedih ini, ia merupakan perasaan yang dilahirkan berdasarkan peristiwa kehilangan orang tersayang dan reaksi fizikal tersebut ialah menangis akibat meratap sesuatu kehilangan orang tersayang. Namun demikian, reaksi fizikal kadang kala tidak mempengaruhi reaksi perasaan atau emosi seseorang itu.

Menurut Cannon-Bard (1927) juga, peranan Thalamus juga mempengaruhi proses emosi dan perasaan seseorang itu. Ini adalah struktur otak kecil yang bertanggungjawab untuk menerima maklumat deria. Ia menyampaikannya ke kawasan otak yang sesuai untuk diproses. Apabila berlaku sesuatu peristiwa, Thalamus akan berkerja menghantar isyarat kepada tempat-tempat tertentu yang bertanggungjawab menghasilkan perasaan marah, gembira, teruja, sedih, takut dan sebagainya dan seterusnya mempengaruhi seseorang dalam melakukan sebarang tindakan tertentu. Jelas menunjukkan bahawa, setiap peritiwa yang menimpa seseorang itu akan mempengaruhi dan merangsang seseorang itu untuk melakuan tindak balas terhadap emosi dan perasaan yang dialami pada waktu peristiwa itu berlaku.

Teori James-Lange merupakan teori emosi yang paling terkenal dan telah wujud pelbagai kontrovesi dalam kalangan ahli-ahli psikologi. Teori ini terbentuk hasil kajian William James dari Amerika Syarikat dan Carl Lange dari Denmark pada tahun 1884. Kedua-dua mereka memberi pendapat yang sama dan dikenali sebagai teori James-lange. Sebagai contoh apabila berjalan melalui garaj tempat letak kereta yang gelap untuk menuju ke arah kereta

sendiri, kita pasti akan memerhati ke belakang kerana merasakan seperti ada sesuatu yang mengekori kita dan degupan jantung pada masa itu akan menjadi semakin tinggi. Menurut teori James-Lange, individu tersebut akan mentafsirkan reaksi fizikal terhadap rangsangan sebagai ketakutan. Oleh itu, perasaan takut akan wujud dan individu tersebut akan tergesa-gesa ke kereta secepat mungkin. Menurut William James dan Carl Lange, emosi takut hanya akan timbul selepas terdapat perubahan fisiologi seperti jantung semakin cepat berdegup dan otot-otot semakin tegang dan berpeluh. Teori ini telah menjadi faktor stimulasi kepada kajian-kajian emosi seterusnya. Teori ini menganggap semua teori emosi mempunyai 'a distint bodily expression'.

### 1.1.2 ANALISIS LAKUAN EKSPRESIF SEDIH, GEMBIRA, MENAKUTKAN BERDASARKAN VIDEO YOUTUBE PILIHAN

| | Lakuan Ekspresif | Jumlah perkataan | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Sedih | 20 | 37.74% |
| 2 | Gembira | 15 | 28.30% |
| 3 | Takut | 23 | 43.40% |
| Jumlah | | 53 | 100% |

Berdasarkan jadual di atas, jadual menunjukkan analisis data yang diperoleh oleh pengkaji berkenaan dengan jumlah lakuan ekspresif sedih, gembira dan seram yang hadir dalam video youtube pilihan. Pengkaji telah memilih 6 video untuk dikaji dan daripada hasil kajian didapati bahawa jumlah lakuan ekspresif seih yang wujud ialah 20 perkataan bersamaan dengan 37.73%. bagi lakuan ekspresif gembira pula ialah 15 perkataan bersamaan 28.30% dan lakuan ini merupakan lakuan yang terendah yang terdapat dalam video yang dipilih. Seterusnya, jumlah yang paling tinggi ialah lakuan ekspresif seram iaitu sebanyak 32 perkataan bersamaan dengan 43.40%. Jumlah keseluruhan lakuan ekspresif ketiga-tiga ini ialah 53 perkataan.

i) SEDIH

| | Lakuan Ekspresif | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Sedih | 20 | 37.74% |

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan menggunakan video youtube sebagai bahan utama untuk mendapatkan data. Video yang telah dipilih untuk dianalisis lakuan ekspresif sedih ialah video yang bertajuk "Redha Seorang Isteri Bahagian 2 (Wanita Hari Ini)" dan "Neelofa Menangis! Sisember Bulan Terakhir di Meletop (Meletop)". Kajian ini mendapati bahawa video-video yang dipilih ini ialah video yang menunjukkan hadirnya lakuan ekspresif sedih ketika sesi wawancara tersebut. Berdasarkan analisis data bagi kedua-dua video ini, pengkaji mendapati sebanyak 20 lakuan sedih yang wujud semasa wawancara berlansung. Pengkaji dapat mengenal pasti lakuan ini melalui penggunaan perkataan yang menunjukkan seseorang

sedih dan reaksi muka sedih (menangis). 20 lakuan ekspresif sedih yang wujud dalam video yang terpilih ini bersamaan dengan 37.74% dan lakuan ini merupakan lakuan ekspresif yang kedua tertinggi selepas lakuan ekspresif seram.

**Analisis Kritis:**

Ekspresif sedih merupakan lakuan ekspresif yang menunjukkan seseorang itu mengalami kesedihan dan dukacita atas sesuatu perkara yang berlaku. Menurut Eisenberg (2001), apabila perasaan yang dialami oleh seseorang itu melibatkan perasaan yang menyatakan kesedihan, seseorang itu mungkin dilanda masalah dari sedi luar atau dalam. Ekpresif perasaan yang ditonjolkan oleh seseorang individu itu terutama menyatakan perasaan sedih menjadi sangat penting untuk mengetahui sesuatu yang dialami dalam kehidupannya.

Tingkah laku pertuturan ekspresif menyatakan perasaan atau keadaan psikologi pembesar suara. Tingkah laku ini mungkin merupakan ungkapan kegembiraan, kesedihan, marah dan mengeluh. Ekspresif merupakan ujaran yang digunakan untuk mengungkapkan keadaan emosi si penutur. Bentuk-bentuk ekpresif seperti sedih, gembira, seram, marah dan lain-lain ada kalanya ditampilkan secara langsung dan secara tidak langsung. Contohnya ekspresif sedih tidak semestinya menyatakan kesedihan melalui riak wajah yang suram atau menangis, malah dirinya juga akan mengujarkan kata sifat yang menyatakan dirinya sedang berada dalam keadaan yang sedih namun riak wajahnya penuh keceriaan contohnya sayu, simpati, suram dan sebagainya. Segelintir penutur yang tidak mahir dalam meluahkan perasaan atau emosi akan menggunakan kata sifat sebagai petunjuk untuk menunjukkan bentuk ekpresif sama ada sedih, gembira, teruja, marah mahu pun sedang mengeluh.

ii) GEMBIRA

| | Lakuan Ekspresif | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 2 | Gembira | 15 | 28.30% |

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan menggunakan video Youtube sebagai rujukan utama untuk mendapatkan data. Terdapat beberapa lakuan ekspresif gembira yang boleh dilihat berdasarkan video yang dipilih iaitu video Youtube yang bertajuk “WOW! Ernie Zakri yang 'confess' suka dekat Syamel! (MeleTOP)” dan “Episod 1 - Suamiku Muda (The Sherry Show 2020)”. Setelah melakukan pemerhatian terhadap video youtube tersebut, pengkaji mendapati video-video yang telah dipilih ini mempunyai lakuan ekspresif gembira ketika sesi wawancara tersebut dijalankan. Hal ini boleh dilihat daripada analisis data yang telah dilakukan terhadap kedua-dua video tersebut, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 15 lakuan ekspresif gembira yang wujud pada minit yang telah dipilih dalam wawancara tersebut. Pengkaji mengenal pasti lakuan ekspresif gembira ini melalui cara percakapan dan reaksi yang ditunjukkan oleh individu semasa wawancara berlangsung. Contohnya, mereka sering tertawa dan bercakap perkara yang melucukan. Terdapat 15 lakuan ekpresif gembira yang telah dikenal pasti dan bersamaan dengan 28.30% daripada jumlah keseluruhan.

**Analisis kritis**

Ekspresif gembira merupakan perasaan terhadap sesuatu yang benar-benar disukai, kepuasan atau rasa riang gembira. Emosi gembira dan bahagia dalam psikologi ditekankan pada hal yang membawa makna pada kehidupan. Seseorang akan mencapai kebahagiannya ketika segala keperluannya telah dipenuhi atau mencukupi. Apabila berada dalam keadaan yang gembira, kesihatan mental akan bermula dan berkembang dengan sebaiknnya. Pelbagai aspek kebahagiaan dapat ditingkatkan melalui intervensi kebahagiaan atau intervensi psikologi positif (Bolier et al. 2013). Intervensi ini diilhamkan oleh kaedah terapi kognitif dan meningkatkan emosi positif seperti rasa gembira, sedih, takut dan sebagainya.

Perkataan gembira tidak menunjukkan kepuasan dalam aspek tertentu sahaja seperti perkahwinan atau pekerjaan namun ia juga boleh ditunjukkan dalam kehidupan seharian kerana ekspresif gembira ini merangkumi pengalaman masa lalu, masa kini dan jangkaan yang akan datang. Ekpresif gembira ini sering menjadi perkara yang penting dalam kehidupan kerana ia mampu membuatkan seseorang berada dalam keadaan ceria. Keadaan tersebut mampu memberi impak dalam kualiti hidup yang lebih afektif (Watson 2000). Ekspresif yang positif ini akan mewujudkan hubungan yang baik antara individu tersebut. Jika ekpresif gembira ini berlaku, tingkah laku yang baik juga akan terjadi kerana emosi dan tingkah laku sangat berkait rapat untuk menentukan tindakan seseorang tersebut. Sesetengah individu menunjukkan lakuan yang gembira tetapi perasaannya tidak gembira kerana disebabkan oleh masalah-masalah tertentu. Individu tersebut bereaksi gembira kerana ingin menjaga hati orang lain ataupun cuba menyembunyikan perasaan yang dihadapinya. Setiap orang mampu menutup perasaan sedih, kecewa, marah dengan menunjukkan perasaan yang gembira di hadapan orang ramai. Ekspresif gembira ini tidak ditunjukkan semasa gembira sahaja namun ia juga dipamerkan semasa seseorang itu ingin menutup segala masalah yang melanda dirinya.

iii) TAKUT

| | Lakuan Ekspresif | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 3 | Takut | 23 | 43.40% |

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan menggunakan video Youtube sebagai rujukan utama untuk mendapatkan data. Terdapat beberapa lakuan ekspresif takut yang boleh dilihat berdasarkan video yang dipilih iaitu video Youtube yang bertajuk "Kisah Seram 'Kawan Baru' bersama Azfar Heri" yang dikaji bermula durasi 0:40-6:30 minit dan "Kisah Seram 'Peneman Setia' bersama Azfar Heri' yang menkaji juga bermula dengan durasi 9:13-11:09 minit. Setelah melakukan pemerhatian terhadap video youtube tersebut, pengkaji mendapati video-video yang telah dipilih ini mempunyai lakuan ekspresif takut ketika sesi wawancara tersebut dijalankan. Hal ini boleh dilihat daripada analisis data yang telah dilakukan terhadap kedua-dua video tersebut, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 23 lakuan ekspresif takut yang wujud pada minit yang telah dipilih dalam wawancara tersebut. Pengkaji mengenal pasti lakuan ekspresif takut ini melalui cara percakapan dan reaksi yang ditunjukkan oleh individu semasa wawancara itu berlangsung. Contohnya, mereka saling

bersoal jawab tentang keadaan yang dihadapi oleh pencerita yang melibatkan atau mengungkap perasaan takut dan seram. Terdapat 23 lakuan ekpresif takut yang telah dikenal pasti dan bersamaan dengan 43:40% daripada jumlah keseluruhan ketiga-tiga ekspresif.

**Analisis kritis**

Ekspresif takut merupakan maksud perasaan yang tidak rasional, berlebihan dan ketakutan dalam sesuatu situasi. Menurut Safaria dan Saputra (2009), setiap emosi mempengaruhi jalan kehidupan manusia, kerana perasaan atau emosi ini pada dasarnya mempunyai pengaruh terhadap emosi tersebut seperti berkomunikasi atau tindakan fizikal individu tersebut. Ekspresif takut juga merupakan perasaan cemas dan menghasut karena adanya kehadiran sesuatu yang berbahaya, kejahatan, atau perasaan yang akan menyakitkan. Rasa takut mendorong manusia untuk mengambil tindakan yang perlu untuk menghindari bahaya yang mengancam kelangsungan hidup. Ekspresi emosi takut dapat berupa tindakan seperti berteriak histeria (menjerit), loncat, berlari, merunduk, menutup telinga, atau menghindar. Ekspresi takut juga ditandai dengan perubahan faali seperti: denyut nadi meningkat, jantung berdebar-debar, pandangan mata kabur, keluar keringat dingin, dan persendian terasa lemas (Matsumoto & Ekman,2005). Selain itu, menurut Karl Albrecht (2012) pula dari pelbagai aspek takut antara contoh dalam teori ini ialah takut akan ketidakpastian atau ketakutan akan terjebak dalam ketidakpastian atau situasi yang tidak diprediksi. Ketakutan ini muncul kerana ia merasa berada di bawah kawalan luaran dan kehilangan otonomi atas kawalan emosi itu sendiri.

6.2 Mengkaji dan menghuraikan perbezaan lakuan ekspresif berdasarkan analisis data video wawacara teori Cannon Bard (1927) dan James Lange (1800)

**i) Ekspresif sedih**

Perasaan sedih merupakan perasaan yang terhasil akibat tidak gembira, kesayuan, simpati, meratap sesuatu, suram dan lain-lain. Perasaan sedih ini dapat dikenal pasti melalui riak wajah, perkataan yang diujarkan, dan tingkah laku si penutur itu apabila menunjukkan perasaan sedih. Manusia sering berkomunikasi berdasarkan ekspresi wajah. Perasaan sedih dapat dikenal pasti melalui riak wajah yang dihasilkan oleh si penutur misalnya apabila seseorang itu mula berasa sedih, kedudukan kening, bibir, rahang akan berubah dari wajah yang biasa. Berdasarkan kajian yang dikaji, data video wawancara yang diambil dari sumber *YouTube* yang bertajuk *"Redha Seorang Isteri, Bahagian 2*" yang mempunyai ekpresif sedih, terdapat beberapa riak wajah yang ditunjukkan oleh si penutur. Iaitu pada minit ke 7.48 hingga 7.50, Puan Zarina mengangkat keningnya dan mengubah kedudukan bibir ke bawah untuk menunjukkan riak wajah sedih.

Segelintir masyarakat kadang kala mempunyai kemahiran dalam menyorokkan riak wajah apabila bertutur misalnya apabila berada dalam keadaan sedih, seseorang itu mampu memberikan senyuman dan menunjukkan riak wajah yang biasa. Namun begitu, perasaan sedih juga dapat diteliti melalui perkataan yang diujarkan. Antara perkataan yang digunakan apabila mengalami perasaan sedih ialah mengungkapkan perkataan sayu, penat, tidak gembira, ingin menangis, suram dan banyak lagi. Contohnya dalam data video wawancara yang dikaji berdasarkan ekpresif sedih iaitu diambil dari sumber *YouTube* yang bertajuk "*Redha Seorang Isteri, Bahagian* 2" pada minit ke 7.04 hingga 7.08, pengacara "Wanita Hari Ini" menanyakan kepada Puan Zarina Zainuddin mengenai perasaan sedih yang dialami apabila diuji dengan ujian berat dalam hidupnya dengan mengujarkan perkataan yang berbaur kesedihan. Perkataan yang diujarkan mampu menunjukkan si penutur sedang mengalami perasaan sedih.

Menurut Cannon Bard (1927), peristiwa memainkan peranan yang cukup penting untuk menghasilkan perasaan dan tingkah laku. Beliau mentakrifkan apabila penutur berhadapan dengan sesuatu peristiwa, si penutur tersebut akan menunjukkan dan menghasilkan tingkah laku berdasarkan perasaan tersebut. Misalnya bagi perasaan sedih, peristiwa yang sering berlaku ialah kehilangan orang tersayang dan tingkah laku yang dilakukan ialah dengan menangis. Setiap perasaan yang dilahirkan sebenarnya dijalankan oleh struktur otak kecil yang bertanggungjawab menghasilkan perasaan-perasaan tersebut dan mempengaruhi seseorang dalam melakukan sebarang tindakan. Berdasarkan data video wawancara yang diambil dari sumber *YouTube* yang bertajuk "*Redha Seorang Isteri, Bahagian 2"* pada minit ke 7.00 hingga 9.21, tingkah laku Pun Zarina untuk menyatakan kesedihan yang dialami ialah dengan menangis dan mengeluarkan air mata apabila dibicara mengenai kisah hidupnya sebagai seorang isteri.

**ii) Ekspresif Gembira**

Hude (2006), berpendapat bahawa bentuk ekspresif manusia yang muncul dalam realiti kehidupan pada umumnya ditunjukkan melalui perubahan raut wajah, suara, intonasi dan boleh juga dilihat melalui sikap dan tingkah laku penutur itu sendiri. Menurut Gunarsa (dalam Safaria & Saputra, 2009) berpendapat bahawa ekspresif emosi ialah suatu bentuk komunikasi melalui perubahan raut wajah dan gerak isyarat yang menyertai emosi sebagai ungkapan dari emosi, menyampaikan perasaan kepada orang lain dan menentukan bagaimana perasaan orang lain. Ekspresi wajah merupakan salah satu bentuk komunikasi non verbal dan dapat menyampaikan keadaan emosi dari seseorang kepada orang yang mengamatinya dan ia mudah untuk dikenali kerana terdapat banyak organ yang berubah dan terlihat ketika emosi gembira berlaku iaitu meliputi perubahan pada dahi, alis mata, kelopak mata, hidung, pipi, mulut dan bibir.

Hal ini boleh dilihat melalui data yang diperoleh melalui video yang bertajuk 'wow! Erni Zakri yang confess suka dekat Syamel' di Youtube apabila Elly Mazlein mengutarakan soalan mengenai perasaan Erni Zakri setelah bergelar tunangan orang dengan perasaan teruja. Perkara ini dapat dilihat apabila Elly Mazlein menggunakan nada yang tinggi di akhir pertanyaan pada minit 2:12-2:21. Berdasarkan video tersebut juga, pengkaji mendapati berlaku perubahan ekspresif pada raut wajah Erni Zakri semasa menjawab pertanyaan pengacara dan beliau juga mengungkap perasaan gembira melalui pertuturan pada minit 2:23-2:26.

Hal ini boleh dikaitkan dengan teori Cannon Bard (1927) iaitu berlaku perubahan emosi apabila terdapat rangsangan dari luaran yang mencetuskan perasaan dan reaksi fizikal pada masa yang sama. Beliau menyatakan bahawa emosi dan reaksi fisiologis berlaku secara serentak. Kedua tokoh ini menyatakan bahawa emosi yang dirasakan dan reaksi fisiologis tidak bergantung antara satu sama lain. Pada mulanya, emosi berpotensi dihasilkan secara luaran, kemudian dibahagian bawah otak seperti hipothalamus akan menghantar output dalam dua arah iaitu yang pertama ke bahagian organ badan dalaman dan otot luaran untuk menghasilkan ekpsresif emosi badan. Kedua, ia akan menuju ke korteks serebrum yang merupakan kawasan otak dan menerima sebagai emosi yang dirasakan. Secara ringkasnya, hipothalamus dan kawasan otak bawah terlibat dalam ekspresifkan sesuatu emosi. Sebagai Contohnya, perasaan gembira dan perubahan raut wajah penutur berlaku secara serentak semasa menjawab soalan daripada pengacara.

Ekspresif gembira ini juga dapat dalam video yang bertajuk 'The Sherry Show (2020)' di Youtube. Menurut Ekman (1997) berpendapat bahawa ekspresi emosi ialah keadaan kesediaan menanggapi peristiwa-peristiwa mendesak untuk bereaksi atau bertindak dan bagaimana merespon emosi. Sebagai contohnya, apabila Che Ta berseloroh dengan Sherry mengatakan dia boleh menjadi mak mertua kepada Sherry pada minit 9:04-9:07. Kemudian, Sherry bergegas bangun untuk bersalam dengan Che Ta pada minit 9:07–9:11. Hal ini jelas menunjukkan ekspresif gembira dapat diungkapkan melalui komunikasi non verbal iaitu pergerakan tingkah laku secara drastik.

**iii) Ekspresif Takut**

Teori James Lamge (1800) merupakan teori emosi yang paling terkenal dan telah wujud pelbagai kontrovensi antara ahli-ahli psikologi yang lain. Di mana teori ini mempunyai pendapat yang sama antara dua ahli psikologi ini iaitu Williams James dan Carl Lange pada tahun 1884 yang mempunyai perbezaan dengan teori lazim iaitu manusia apabila bertemu seekor beruang, mereka merasa takut dan lari kerana takut. Namun berbeza dengan pendapat teori ini di mana manusia bertemu dengan beruang mereka akan melarikan diri kemudian baru merasa takut. Oleh itu menurut mereka, perasaan takut ini hanya akan timbul selepas terdapat perubahan fisiologi seperti jantung semakin laju berdegup dan otot-otot semakin tegang dan berpeluh. Reaksi fizikal terhadap emosi takut ini memain peranan dalam menimbulkan atau mengungkapkan perasaan takut tersebut. Seperti mana yang ditunjukkan oleh seorang yang ditemubual berdasarkan video yang telah dikaji dari sumber *youtube* yang bertajuk "Kisah Seram 'Kawan Baru' bersama Azfar Heri" yang menunjukkan ekspresif takut dimana dia menceritakan perasaannya ketika melihat adiknya bercakap dengan seseorang tetapi dia tidak dapat melihat 'benda'(hantu) itu melalui tindakan fizikalnya yang menunjukkan reaksi muka yang risau atau was-was dan dengan keadaan fizikal yang berpeluh ketika ingin menegur adiknya yang bertindak pelik pada durasi minit yang ke 1:23-1:28.

Menurut teori Cannon Bard (1927) pula ia merujuk kepada teori thalamic iaitu teori yang pertama antara teori-teori yang berkaitan dengan neuropsikologikal. Dimana beliau menyatakan bahawa dalam mana-mana emosi yang wujud adalah merupakan kaitan dengan peristiwa sekeliling. Peristiwa sekeliling ini merupakan suasana persekitaran yang akan merangsang atau bertindak balas deria penerima yang akan menghantar impuls secara serentak kepada lapisan korteks serebrum otak kita dan organ visera untuk bertindak balas dengan suasana yang boleh menimbulkan ekspresif atau perasaan.Sebagai contoh yang boleh ditafsirkan melalui video-video yang dikaji Oleh itu keadaan ini dapat dilihat juga melalui video *youtube* kedua yang telah kami kaji dalam ekspresif takut ini bertajuk "Kisah Seram 'Peneman Setia' bersama Azfar Heri yang menunjukkan perasaan takut melalui kisah yang diceritakan oleh Azfar Heri. Reaksi muka yang menunjukkan kerutan kening dan mata yang bulat dan perasaan takut menyebabkan mereka ingin lari dari situ. Hal ini jelas mempengaruhi suasana yang diceritakan olehnya iaitu suasana yang sunyi dan tiba-tiba ada bunyi orang lari dan mereka saling bersoal jawab antara mereka untuk memastikan suasana seram itu tak betul pada video berdurasi 9:23-9:29 minit itu. Keadaan dan suasana persekitaran dalam cerita ini dalam suasana yang sejuk dingin lepastu berangin sehingga membuatkan mereka mengigil dan meremang bulu roma sehingga perasaan takut itu timbul dalam diri mereka ketika menghadapi suasana sebegitu.

## 8.0 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji, terdapat beberapa topik yang telah dibincang dan dicadangkan dalam kajian ini mengenai Bahasa ekspresif, gembira sedih dan takut. Cadangan-cadangan ini berharap dapat memantapkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh kajian lepas dan juga kajian yang akan dilakukan pada masa akan dating. Antara cadangan-cadangan yang dapat diperoleh daripada kajian yang telah dilakukan ini ialah para pengkaji perlu meneliti dan merancang kaedah kajian yang lebih sistematik dan lebih sesuai seperti melakukan kajian dengan kaedah etnografi, yang mana para pengkaji perlu melakukan kajian lapangan yang merangkumi aspek temu bual, pemantauan dan mendomentasi supaya kajian dalat dilakukan secara terperinci serta mendapat data kajian yang tepat. Cadangan yang seterusnya iaitu supaya para pengkaji akan datang dapat meneliti lebih banyak video dan jurnal yang berilmu berkaitan dengan bahasa ekspresif supaya dapat meningkatkan kualiti data kajian dan memperoleh pengetahuan yang lebih luas.

**9.0 PENUTUP**

Berdasarkan hasil analisis yang diperoleh, didapati bentuk ekspresif yang digunakan dalam video Youtube yang dipilih ialah seperti ekspresif gembira, ekspresif sedih dan ekspresif takut. Bentuk bahasa ekspresif berfungsi untuk mengekspresikan perasaan penghargaan, maaf, gembira, sedih dan lain-lain lagi. Tiga bentuk ekspresif yang dikaji didapati mempunyai pelbagai bentuk gaya bahasa, mimik muka serta intonasi semasa diujarkan kerana ia melibatkan tentang perasaan dan emosi seseorang.

Bahasa ekpresif pertama yang dipilih di dalam video Youtube ialah ekspresif gembira dimana ekspresif ini menunjukkan seseorang itu akan tersenyum atau tertawa jika orang lain membuat jenaka atau perkara yang melucukan. Bahasa ekspresif yang kedua pula ialah ekspresif sedih perasaan sedih yang membawa makna merasai rasa pilu, hiba atau berdukacita atas sesuatu yang berlaku. Perasaan sedih ini boleh mempengaruhi dan dapat dirasai oleh orang lain. Bahasa ekspresif yang ketiga ialah ekspresif yang akan menyebabkan kegelisahan yang berlebihan berlaku di dalam pemikiran manusia sehingga boleh terjadinya kemurungan.

Bahasa ekpresif ini boleh didapati dalam semua komunikasi sama ada komunikasi secara lisan atau komunikasi bukan lisan. Ekspresif ini paling banyak digunakan dalam kehidupan seharian kerana ia merupakan asas kepada setiap interaksi. Jika bahasa ekspresif ini tidak digunakan maka interaksi antara individu tidak akan difahami dan berkemungkinan akan menyebabkan perselisihan faham berlaku.

## 10.0 RUJUKAN

1. Arba'ie, S. U. J. U. D., Sedik, N. A. A., Affendi, N. R. N. M., & Gaisun, I. Z. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, *13*.
2. Dror, O. E. (2014). The Cannon–Bard thalamic theory of emotions: A brief genealogy and reappraisal. *Emotion Review*, *6*(1), 13-20.
3. Eisenberg, N., Gershoff, E. T., Fabes, R. A., Shepard, S. A., Cumberland, A. J., Losoya, S. H., et al. (2001). Mother's Emotional Expressivity and Children's Behavior Problems and Social Competence: Mediation Through Children's Regulation. Developmental Psychology, 37, 475–490.
4. Haron, R. (2019). Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet. cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *4*(5), 19-27.
5. Holmes Jalnet, (2013). *An Introduction to Sociolinguistics. 4:th ed*. London: Routledge
6. Kamus Pelajar Bahasa Malaysia. *Edisi kedua,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987
7. Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid (2017). Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi, Jurnal Peradaban Melayu, Jil. 12, bil. 57-70.
8. Patricia Ronan, "Categorizing Expressive Speech Acts in The Pragmatically Annotated SPICE Ireland Corpus," ICAME J., vol. 39, pp. 25–45, 2015
9. Puteri Roslina Abdul Wahib, (2008). Bahasa Reseptif Dan Bahasa Ekspresif Dalam Komunikasi Verbal: Pemelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Sindrom Down. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 19.
10. Puteri Roslina Abdul Wahid (2008). *Bahasa Resptif dan Bahasa Ekspresif dalam Komunikasi Verbal*: Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Sindrom Down. *Jurnal Pengajian Melayu, 19*(1), 143- 166.
11. SAPUTRI, C. W. D., & Citraningwulan, M. A. R. T. H. A. (2016). Meningkatkan kemampuan bahasa ekspresif melalui kegiatan bermain peran makro pada kelompok A. *PAUD Teratai*, *5*(3).
